

MAKLUMAT AKTIVITI YANG DIJALANKAN

DI FAKULTI KEJURUTERAAN UNIMAS

TAHUN 2017

1.	Majlis/Aktiviti/Persidangan/ Bengkel/Seminar/Lawatan	:	Program Outreach MRSM di Sekolah Kebangsaan Kampung Jangkar, Lundu Sarawak
2.	Jabatan/Program	:	MRSM Kuching Department of Mechanical and Manufacturing Engineering
3.	Tarikh Aktiviti & Tempat:	:	Jumaat, 24 November 2017 di SK Kampung Jangkar
4.	Tetamu Jemputan/Ahli/Staf terlibat	:	Tn. Hj. Rasli bin Muslimen Dr. Ana Sakura Zainal Abidin
5.	Dirasmikan oleh	:	Tiada
6.	Ringkasan penerangan aktiviti yang dijalankan (Tidak melebihi 50 patah perkataan)	:	<p>Pihak MRSM Kuching mengadakan Program Outreach di sekolah sekolah Sarawak. Program ini dijalankan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah terutamanya di kawasan luar bandar masuk ke MRSM. Manakala, Kampung Jangkar pula terletak bersebelahan sempadan Sarawak, Malaysia dan Kalimantan Barat, Indonesia. Kebanyakn penduduk di sini bekerja sebagai petani. Perjalanan mengambil masa kira-kira dua jam dari Unimas ke Kampung Jangkar.</p> <p>Pada 24 November 2017 Program Outreach telah dijalankan di SK Kampung Jangkar, Lundu Sarawak. Pihak MRSM Kuching diwakili oleh Encik Norazizan Ahmad, Timbalan Pengetua (Hal Ehwal Ko-kurikulum) dan Encik Shahbudin bin Beddu, Kaunselor. Manakala Unimas pula diwakili oleh Tn. Haji Rasli bin Muslimen dan Pn. Ana Sakura Zainal Abidin dari Fakulti Kejuruteraan. Program ini bermula pada jam 9.00 pagi dengan sesi pengenalan ke pada MRSM Kuching, di susuli dengan sesi soal jawab. Program ini</p>

		<p>dihadiri oleh pelajar tahun enam (lepasan UPSR) seramai 12 orang dan ibu bapa pelajar. Majoriti ibu bapa adalah petani yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan (pendapatan bawah B40). Melalui program ini ibu bapa dan pelajar diterangkan tentang kemudahan dan kelebihan belajar di MRSM. Pada masa yang sama program ini turut memberi motivasi kepada para pelajar untuk bercita-cita besar dan yakin diri. Seterusnya adalah slot mengisi borang kemasukan ke MRSM. Para pelajar dan ibu bapa dibantu oleh fasilitator dan cikgu-cikgu untuk mengisi borang. Akhir sekali sesi temubual dengan guru kaunseling MRSM Kuching telah diadakan bagi menentukan pelajar yang benar benar layak masuk ke MRSM.</p> <p>Program ini tamat pada jam 12.00 tengah hari. Secara keseluruhannya program ini telah berjaya mencapai objektif di mana beberapa pelajar yang berpotensi telah dikenal pasti dan bakal ditwarakan tempat di MRSM Kuching. Program ini juga mendapat kerjasama yang sangat baik dari pihak SK Kampung Jangkar dan PIBG. Semoga program Outreach ini menjadi titik permulaan yang dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai anak anak Kampung Jangkar untuk lebih berusaha bersungguh-sungguh bagi mengubah masa depan keluarga masing masing.</p>
7.	Pegawai yang menyediakan maklumat	: Dr. Ana Sakura Zainal Abidin

8. Gambar

:









